

01 AUG 2002

Asean-Sekretariat/I

MALAYSIA MAHU UNIT DITUBUHKAN MENJELANG KEWUJUDAN SEKRETARIAT ASEAN+3

Oleh: Jackson Sawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata satu unit perlu ditubuhkan di bawah Sekretariat Asean untuk mengendalikan kegiatan Asean+3 sebelum sekretariatnya sendiri diwujudkan.

Beliau berkata Asean+3 memainkan peranan penting dan segala kegiatannya perlu dipantau, diselaras dan disusuli.

"Kerana pentingnya Asean+3 ini, hasrat Malaysia ialah untuk melihat satu sekretariat berasingan. Sehingga itu, jika tidak ada sekretariat berasingan, kita perlu ada sesuatu untuk memantau dan menguruskan kegiatan Asean+3," katanya kepada pemberita di akhir Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri (PMC) di sini hari ini.

Asean+3 -- yang dilihat sebagai satu bentuk Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad -- merangkumi kesemua 10 anggota Asean bersama Jepun, China dan Korea Selatan.

Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMM) dua hari lepas gagal mencapai kata sepakat untuk menubuhkan sebuah sekretariat berasingan untuk Asean+3.

Namun, dalam pernyataan bersama AMM, para menteri berkata mereka mengambil kira hasrat Malaysia menjadi tuan rumah bagi Sekretariat Asean+3 itu.

Syed Hamid berkata walaupun tidak mencapai kata sepakat, Malaysia akan terus berusaha ke arah itu.

Kemboja akan menganjurkan satu sesi sumbang saran untuk pegawai-pegawai Asean+3 tidak lama lagi untuk membincangkan cadangan itu.

Syed Hamid berkata konsep Asean+3 yang dipelopori oleh Malaysia telah diterima baik tetapi apa yang penting ialah hala tuju kumpulan itu.

"Adakah kita patut berhenti di situ saja dan biarkan ia menjadi sebahagian daripada Sekretariat Asean atau perlukah kita melihat kepada satu sekretariat berasingan agar ia menjadi lebih cekap, mampu memantau dan memastikan tidak berlaku pertindihan fungsi antara kedua-dua sekretariat," katanya.

Ditanya tentang Deklarasi Perlakuan Pihak-pihak di Laut China Selatan, Syed Hamid berkata rangka kerjanya sudah siap tetapi ia masih boleh dirunding dan dipinda.

-- BERNAMA

JS MAI